



# MAKLUMAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
PUTRAJAYA



---

## PENGECUALIAN DUTI IMPORT, DUTI EKSAIS DAN CUKAI JUALAN UNTUK BAHAN MENTAH KEPADA PENGILANG *HAND SANITIZER* (3808.94.9000)

Berikutan penularan pandemik COVID 19, kelonggaran diberikan kepada pengilang *hand sanitizer* (3808.94.9000) untuk mendapatkan **pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan** ke atas bahan mentah *undenatured ethyl alcohol* dan *denatured ethyl alcohol* yang digunakan.

Permohonan perlu disertakan maklumat-maklumat berikut :

- i. Lesen Pengilang yang dikeluarkan oleh MIDA;
- ii. Maklumat keluaran siap;
- iii. Kuantiti maksima pengeluaran syarikat untuk tempoh setahun;
- iv. Nisbah input/output;
- v. Carta alir proses pengilangan; dan
- vi. Lesen Pengilang yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut :

**Setiausaha Bahagian Cukai  
Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5, Persiaran Perdana,  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592, PUTRAJAYA.  
(u.p.: Puan Noor Zuraini binti Aziz)  
Emel: zuraini.aziz@treasury.gov.my  
Tel: 03-8882 3344 / 8878 / 4060  
Faks: 03-8882 3885**

Sekian, terima kasih.

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**TARIKH: 30 MAC 2020**